

PENGAMPUAN & PERDAMAIAIN

Oleh Lee Bee Teik

e-Book Edition Published by
Cornerstone Corporation Sdn Bhd

Print Edition Information

Pengarang dan Hak Cipta :	Lee Bee Teik
Penerbit :	ReconRe Sdn Bhd
Cetakan Pertama dalam Bahasa Melayu :	1997
Penterjemah Bahasa Melayu :	Girlie Wong
Jurutaip :	Christabel Wong

Ayat-ayat Alkitab dipetik daripada “Alkitab Berita Baik”
〔 Bible Society of Malaysia 1996 〕

Kandungan buku kecil ini adalah versi suntingan Bab 7
“Building a love House is a Hard Work”, Penerbitan CARE
Malaysia, digunakan dengan kebenaran .

Edisi Bahasa Inggeris,Bahasa Cina,Bahasa Tamil dan
Bahasa Melayu bagi “Forgiveness and Reconciliation ”
boleh didapati daripada :

**e-Book Edition 2012 published by
Cornerstone Corporation Sdn Bhd**

For enquiries, contact:
Cornerstone at <http://www.cornerstone.my>
Author via <http://www.reconre.org>

Pendahuluan

Perkara seperti “Pengampunan” seolah-olah dianggap tidak perlu dibangkitkan di kalangan orang-orang Keristian. Bagi sesetengah orang Keristian, apabila kita telah meneliti persoalan asas iaitu keselamatan melalui kematian Yesus di salib bagi kita, hal tentang mendapatkan pengampunan orang lain atas dosa-dosa kita terhadap mereka, dan hal tentang mengampunkan mereka atas dosa-dosa mereka terhadap kita, nampaknya menjadi isu-isu yang kurang penting dalam hidup. Namun, dalam hidup, ajaran dan kerja Juruselamat kita, Yesus, dan dalam ajaran-ajaran Perjanjian Lama, tanpa pengampunan Tuhan bagi dosa-dosa kita melalui kematian dan kebangkitan Anak-Nya, tidak mungkin kita dapat didamaikan dengan-Nya, Bapa kita. Tanpa ampun mengampun, kita tidak dapat berbaik-baik sesama sendiri.

Sering saya dapati saudara-saudara dalam Kristus yang soleh menitiskan air mata apabila mereka menceritakan tindakan-tindakan buruk yang dilakukan terhadap mereka selama ini. Mereka seolah-olah terperangkap dalam kitaran siksaan jiwa dan perilaku-perilaku yang salah. Secara kasar, terdapat tiga golongan yang berada dalam keadaan demikian.

Satu golongan terdiri daripada mereka yang tidak mahu atau tidak dapat memaafkan “penindas-penindas”

mereka. Orang-orang yang berlaku salah mesti bayar kesalahan yang dilakukan terhadap mereka. Mereka mahu menuntut ganti rugi.

Golongan seterusnya terdiri daripada mereka yang secara ikhlas mahu mengampunkan “penindas-penindas” mereka tetapi mereka tidak memahami pengampunan Tuhan bagi dosa-dosa mereka secara mendalam. Jadi mereka tidak tahu akan pengertian sebenar perihal mengampunkan musuh-musuh mereka.

Kumpulan yang ketiga pula terdiri daripada orang-orang Keristian yang yakin bahawa mereka telah mengampunkan “penindas-penindas” mereka; tetapi mereka tidak memahami mengapa kepedihan masih dirasai walaupun mereka betul-betul bermiat baik terhadap orang yang telah menganiayai mereka.

Jadi buku kecil ini ditulis dengan harapan dapat mendorong golongan pertama untuk memberi ampunan, dapat mengajar golongan kedua maksud pengampunan, dan dapat meyakinkan golongan ketiga bahawa Tuhan perkenan atas kerelaan mereka untuk mengampunkan orang serta akan akhirnya mengubah perasaan negatif menjadi perasaan positif terhadap orang yang pernah menganiayai mereka.

Bahagian I Perbezaan antara Pengampunan dengan Perdamaian

Pengampunan merupakan jalan rahmat sehalia yang dihulurkan oleh orang yang disalahlaku kepada orang yang berlaku salah.

Perdamaian merupakan jalan persahabatan dua-hala antara dua orang atau kumpulan yang pernah bermusuhan.

Yesus Kristus mengampuni mereka yang membunuh-Nya sebelum mereka sendiri sedar bahawa mereka telah berdosa terhadap-Nya.

Bagaimanapun, perdamaian terhasil hanya apabila orang yang berdosa mengaku dosa-dosanya, dan menerima pengampunan-Nya dan dengan itu menjadi rakan-rakan-Nya.

Begini juga, Tuhan mengharapkan kita mengambil initiatif mengampunkan orang-orang yang bersalah terhadap kita, walaupun orang itu tidak sedar bahawa ia telah berlaku salah terhadap kita.

Pengampunan tidak selalunya membawa kepada perdamaian. Orang yang didera, misalnya, mungkin tidak

dapat berhadapan dengan penderanya yang belum bertaubat.

Walau bagaimanapun, carilah perdamaian selalu selagi orang itu masih hidup. TETAPI TUNGGU MASA TUHAN. Jangan timbulkan rasa bersalah yang sepatutnya tidak wujud pada orang yang mengampuni dengan meminta dia berjanji untuk berdamai. Kita perlu bersabar dengan orang seperti mana Tuhan bersabar dengan kita. Lihatlah apa yang telah dilakukan oleh Anak Allah bagi kita di salib dan perhatikan masa yang berlalu sebelum kita, orang-orang yang berdosa, seorang demi seorang, sepanjang keturunan, menerima-Nya sebagai Juruselamat dan Taulan.

Bahagian II Ciri-ciri dan Tanda-tanda Ketidakampunan

Ibrani 12:1-2...Baca

Memandangkan luka-luka dalam hidup kita merupakan halangan-halangan dan ketidakampunan adalah dosa, perkara-perkara ini sedikit sebanyak merosakkan hidup kita. Kita diminta menghapuskan perkara-perkara itu, melepaskan perkara-perkara itu...agar kita dapat semakin menjalani hidup yang penuh bermakna dalam kehidupan yang diberikan oleh Yesus kepada kita. Di bawah ini terdapat antara beberapa cara untuk mengesan perkara-perkara itu.

Luka-luka adalah ibarat kuman-kuman yang membawa bisul-bisul kesakitan dalam hidup kita.

Pengampunan adalah ibarat torehan pisau doktor untuk melepaskan nanah kesakitan yang disebabkan oleh bisa bisul.

Jadi sebagaimana bisul-bisul yang bernanah dalam badan-badan kita menyebabkan kita terasa sakit apabila disentuh, begitulah ketidakampunan akan menyebabkan luka-luka dalam hidup kita, biarpun luka-luka itu terpendam sehingga kita tidak dapat merasai kesakitannya. Sebagaiman kadang kala penyakit dalam ini hanya dapat dikesan melalui tanda-tanda misalnya demam, begitulah salah laku yang tidak diampuni sekali sekala dapat dikesan dalam cara-cara yang tidak terfikir oleh kita:

1. Kita tidak dapat bertentang mata dengan orang itu apabila kita terserempak dengannya. Malah kita akan cuba sedaya upaya untuk mengelak daripada berhadapan dengannya.
2. Apabila kita terpaksa bercakap dengannya, suara dan postur kita mendedahkan keadaan kita – kaku, kasar, angkuh, kekok. Kita manjauhkan diri agar dia hanya dapat merapati kita setakat mana yang kita benarkan.

3. Kita tidak turut bergembira dengannya apabila dia diberkati. Kita dapat susah atau enggan berdoa untuk kebaikannya.
4. Sebaliknya dalam diam-diam kita berharap bahawa Tuhan akan membala tindakannya. Misalnya dengan menghantar orang lain melakukan sesuatu yang buruk terhadapnya agar dia merasai kesakitan malah merasai lebih sakit daripada apa yang telah dilakukannya terhadap kita, walaupun mungkin dia melakukan itu secara tidak sengaja. Dalam kata lain, kita muh menuntut ganti rugi daripadanya bukan menyerap hutangnya.
5. Tanda ini lebih sukar untuk dikesan – bukannya kita marah dan berbincang dengannya tentang salah lakunya bagi menangani masalah, sebaliknya kita menahan marah begitu lama sehingga perasaan itu terpendam... sehingga satu hari, kita meletup kerana satu hal kecil dengan orang yang seiras, serupa atau berperangai sama dengan perangai orang yang berlaku salah terhadap kita.

Biasanya ini terjadi pada sesiapa yang rapat dengan kita contoh pasangan, anak, majikan, pekerja, ataupun paderi yang merupakan orang yang berkuasa atas kita. Sebenarnya, dalam kebudayaan timur, kita tidak digalakkan bersemuka dengan orang yang berkuasa atas kita,

terutamanya apabila mereka telah berlaku salah terhadap kita. Ini merupakan salah satu daripada punca-punca kemarahan dipendam menyebabkan sakit hati (dan sering kali mengganggu personaliti, menjadikannya bersifat marah-marah). Tanpa disedari perasaan itu diluahkan sekejap sahaja dan kita terkejut apabila mendapati

“Tidak mungkin aku bertindak sedemikian di hadapan khalayak ramai!”

Tetapi itulah kita. Sekiranya perkara ini berlaku sekali sahaja, mungkin kita boleh tidak menghiraukannya, tetapi jika perkara ini dilakukan berulang kali, adalah lebih baik kita mendapatkan nasihat daripada orang yang kita percayai, berdoa dan momohon agar Tuhan tunjukkan punca (punca-punca) agar kita dapat bertindak menanganinya.

Bahagian III Pemahaman Sebenar dan Pengalaman Pengampunan

(Bahagian III dan IV disesuaikan daripada nota-nota kuliah D.A. Seamands tentang Asuhan Pastoral dan Kaunseling – digunakan dengan kebenaran)

Yesus Kristus tidak memberi kita pilihan. Untuk menjadi pengikut-pengikut-Nya, kita mesti mengampunkan orang yang telah melukai kita

KERANA

Pengampunan adalah intisari Berita Baik, punca sebenar Penyembuhan dan Pemulihan Kesihatan.

Ketidaksanggupan kita untuk memaafkan orang merobohkan jambatan melalui mana pengampunan Allah datang kepada kita. Orang-orang Keristian biasanya mengaitkan pengampunan dengan kata-kata seperti, “Tentu sekali sebagai seorang Keristian, saya sudah mengampuninya; lupakanlah apa yang telah berlaku.” Cara pemikiran dan ujaran tentang pengampunan ini tidak betul. Justeru tidak berkesan. Kita masih memikul bebannya.

Pengampunan BUKAN:

- i. melupakan salah laku, menutupinya.
- ii. memberi dalih atau cuba menegakkan kesalahan. Contoh Yusuf menganggap tindakan salah laku abang-abangnya sebagai salah – tidak lebih dan tidak kurang.
- iii. menerangkan perbuatan bagi menutup kesalahan, menyalahkan kelemahan orang yang melakukan salah

laku. Mengkaji orang itu secara psikologi sering kali cuba dibuat terhadap orang yang rapat misalnya ibu bapa/adik-beradik/guru-guru/paderi-paderi/pemimpin-pemimpin gereja.

- iv. menyalahkan diri sendiri contoh perempuan yang diperkosa oleh bapanya semasa dia berumur antara 6-7 dan dia dipersalahkan oleh ibunya kerana menggoda!

Banyak orang Keristian beranggapan bahawa mereka baik sekiranya mereka mengaku bersalah...tetapi ini merupakan sikap neurotik yang disebabkan oleh rasa bersalah yang sepatutnya tidak wujud.

Jadi kita mesti minta roh Tuhan membantu kita mengkaji apa sebenarnya kesalahan yang telah dilakukan terhadap kita dan benar-benar merasai kesakitan akibat salah laku itu. Kalau tidak, kita mungkin berdoa untuk mendapatkan pernyembuhan atas sesuatu yang tidak wujud, dan terlepas kesalahan yang sebenar yang betul-betul memerlukan pengampunan.

Pengampunan adalah:

- i. menghadapi kesalahan yang sebenar – kenyataan

Nasihat: Buat senarai ‘kena’ dan ‘luka’. Kamu boleh koyakkan senarai itu setelah kamu memberi pengampunan.

ii. menghadapi luka-luka dan kesakitan

Soalan: “Apakah perasaanmu PADA MASA ITU?”

Misalnya disingkir, malu, dibanding-bandikan, diabaikan/tidak diberi hak, tidak diberi keadilan, dihina, dikhianati, ditinggalkan.

iii. menghadapi rasa marah dan rasa dendam

Efesus 4:25-31

“Jika kamu marah janganlah biarkan kemarahan itu menyebabkan kamu berdosa.”

Jangan ketepikan rasa marah dengan mengatakan, “Tentu sekali sebagai seorang Kristian, aku telah memaafkannya.” Jika kamu memendam rasa benci, kamu memendam kemungkinan dipulih.

iv. menghadapi salib

“...hendaklah kamu baik hati, saling berbelas kasihan, dan saling mengampuni sebagaimana Tuhan telah mengampuni kamu melalui Kristus.”

Efesus 4:32

Kristus telah menanggung bagi pihak kita, rasa bersalah, hukuman dan rasa malu akibat dosa-dosa kita. Begitulah, apabila kita mengampuni, kita mengambil alih ke atas diri kita rasa bersalah, hukuman, dan rasa malu dosa orang lain...sanggup menderita kerana kasih adalah satu-satunya cara untuk mengampun...

“Berbuat kepada orang apa yang Tuhan telah berbuat padamu.”

“Oleh sebab Tuhan telah membatalkan hutangku yang banyak pada-Nya, tentu sekali aku tidak boleh menuntut hutang yang sedikit daripada orang lain.”

Jadi, pada Tuhan, apabila aku mengampuni orang lain, aku sebenarnya hanya bertindak adil.

Bahagian IV Pengampunan....Pembahagian Kerja

- i. Pengampunan merupakan satu krisis...bahagian manusia...kehendak

Soalan: “Relakah kamu memaafkan orang itu?”

Jika tidak

Soalan: “Adakah kamu sanggup untuk dibentuk oleh Tuhan agar kamu rela?”

Baca Markus 9:14-29

- ii. Pengampunan merupakan satu proses...bahagian Tuhan...perasaan

Proses pemulihan perasaan mengambil masa. Tindakan mengikut kehendak hati berlaku dalam setiap mata, ibarat roket dilancarkan. Manakala pemulihan perasaan berlaku secara beransur-ansur seperti gerakan keretapi kargo KTM.

Ingatlah:

Tuhan TIDAK menyebabkan kita rasa bersalah kerana masa yang diperlukan untuk mengubah perasaan kita.

Jadi kita perlukan 5 perkara setelah kita mengampuni orang, agar kita dapat menghadapi serangan-serangan ‘perasaan’:

Ingat semula

...bahawa perasaan negatif adalah daripada Syaitan.
(Wahyu 12:10)

Sebut semula

...bahawa kamu telah mengampun...itu sebabnya memberi ampunan di hadapan beberapa orang saksi (dalam kumpulan sendiri) adalah baik. Mereka mengesahkan pendirianmu dan mempastikan kamu bertanggungjawab terhadap keputusanmu. Pengampunan berlaku dalam konteks umat-Nya.

Tolak

...perasaan bersalah bahawa kamu belum memaafkan.

Ingat

...bahawa Tuhan tetap membentuk kamu.

Bergembiralah

.. Tuhan berkenan bahawa kamu telah memberi ampunan dan Tuhan berada di setiap tahap proses pemulihan.

Pengampunan melibatkan:

1. Buang yang keruh, ambil yang jernih...pandangan, perhubungan, cara hidup. Contoh jika orang yang bersalah laku terhadap kamu itu adalah seorang yang kaya, mungkin kamu ingin menjadi lebih kaya, agar kamu dapat menunjuk padanya. Ini membawa kepada penyakit gila wang.

2. Jalankan tanggungjawab yang sedang kamu pikul – tidak boleh salahkan orang lain atas apa yang berlaku. Dengarlah bisikan Roh Tuhan, bukannya rakaman lalu contoh “Itu salah dia...”
3. Menerima pengampunan Tuhan (1 Yahya 1:9). Kita perlu mengampunkan diri sendiri sebagaimana Tuhan telah mengampuni kita. Jika tidak, itu bermakna ukuran kita lebih tinggi daripada ukuran Tuhan. Contoh gadis yang diperkosa oleh teman lelakinya mungkin tidak dapat memaafkan dirinya sendiri kerana dia sendiri telah berkawan dengan budak itu.
4. Guna bayangan. Contoh campakkan senarai ‘kena danluka’ ke dalam tandas. Guna imaginasi yang diberkatit tetapi jangan berlebihan.
5. Boleh bermaksud membetulkan. Contoh memulangkan sesuatu, bersemuka, berbaik-baik semula. Tunggu Tuhan tunjukkan masa sebelum bertindak. Mungkin terpaksa menerima situasi tidak kalah – tidak menang dan tetap berada dalam keadaan yang tegang. Contoh tetap tinggal bersama mertua yang telah berlaku salah terhadapmu.
6. Visi 50/20 – Carilah petunjuk Tuhan dalam segala hal (Kejadian 50:20; Roma 8:28).

7. Marah pada Tuhan – biasanya berlaku kepada orang yang dibesarkan dalam keluarga Keristian, lebih-lebih lagi dalam keluarga-keluarga paderi kerana Tuhan selalu diberi gambaran salah oleh mereka yang sepatutnya kenal dan kasih akan-Nya. Alangkah bahagia apabila diampunkan dosa ini oleh Tuhan yang berbelas kasihan.

Semoga Allah yang Maha Pengasih dan Maha Pengampun memberkatimu dengan penyembuhan-Nya pabila kamu mengampuni orang yang bersalah terhadapmu.

Shalom!

Lampiran

Latihan Mengesan Halangan-halangan terhadap Langkah Pertama dalam Pengampunan

Mengampun Diampun

1. ? Jahil

Baca kisah Rasul-rasul 2:22-42.

Soalan: Mengapakah orang-orang Yahudi tidak bertaubat akan dosa-dosa mereka sebelum Petrus memberitahu mereka tentang Yesus Kristus?

2. ? Keengganan untuk meninggalkan hidup lama yang selesa walaupun buruk. Ini melibatkan perubahan cara hidup dan perubahan pendapat tentang Tuhan, orang lain dan diri sendiri. Perubahan-perubahan ini berlaku sebaik sahaja kita mulakan hidup baru yang baik tetapi kurang selesa.

a. Baca Yahya 5:1-9 Soalan: Apakah yang mungkin menjadi halangan yang utama dalam penyembuhan orang ini?

b. Baca Lukas 17:22; Kejadian 19:24-26
Soalan: Apakah yang dikenang oleh orang-orang

Israel dan mengapa?

3. ? Tidak mahu percaya bahawa Tuhan boleh mengubah yang buruk menjadi baik bagi kita mengikut kehendak-kehendak-Nya dalam dunia ini.

- a. Baca berturut-turut

Kejadian 42:7...43:30...45:1-15...50:1-21

Soalan: Kesanilah pemikiran dan perasaan Yusuf dalam petikan-petikan di atas.

Bandingkan Kejadian 50:20 dengan Roma 8:28.

- b. Baca berturut-turut

Kejadian 12:1...15:1-6

2Tawarikh 20:2; Yaakobus 2:23

Soalan: Mengapakah Abraham digelar rakan Tuhan?

Jadi Isu yang Kritikal ialah

Kepercayaan pada Firman Tuhan seperti bagi perkataan perintah melibatkan keyakinan.

Kepercayaan pada Firman Tuhan seperti bagi perkataan janji melibatkan ketaatan.

Tetapi apakah yang merupakan punca kepercayaan Abraham yang kukuh?

Baca Kejadian 12:7...13:18...22:9

Mazbah adalah simbol bagi sesuatu yang stabil, kuat dan kukuh. Keyakinan kita adalah pada Tuhan yang boleh dipercayai yang berniat baik untuk kita dan yang dapat memberikan kebaikan-Nya kepada kita.

Khemah adalah simbol bagi sesuatu yang tidak kekal dan boleh dialihkan.

Abraham mendirikan mazbah apabila Tuhan menampakkan diri padanya. Tetapi sebagai seorang yang berziarah, dia mendirikan khemah-khemah semasa dalam perjalanan agar dia dapat meninggalkan apa yang tidak diperlukan. Justeru dia dapat mara dengan mudah kepada apa yang terbaik baginya.

Soalan: Adakah kamu mahu tinggalkan cara-cara pemikiran yang salah agar dapat diberkati cara pemikiran, perasaan, dan hidup yang benar? Mahukah kamu percaya dan taat pada Tuhan?

D. A. Seamands

*Jika inti pati bagi penyembuhan ialah Pengampunan
ini bermakna*

Tunggak penyembuhan ialah Pemberkatan

*Jadi,
dalam setiap keperluan emosi terdapat isu rohani.*

Rujukan:

- Living With Your Dreams oleh D.A. Seamands
- Healing Grace oleh D.A. Seamands

**e-Book Edition 2012 published by
Cornerstone Corporation Sdn Bhd**

For enquiries, contact:
Cornerstone at
<http://www.cornerstone.my>

Contact the Author
Dr Lee Bee Teik
via
<http://www.reconre.org>